

19 NOV 1998

PNG-PELABURAN/I

PAPUA NEW GUINEA TAWAR LEBIH BANYAK PELUANG PELABURAN

Oleh: Ruhil Amani Zainal Abidin

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Papua New Guinea kini menawarkan lebih banyak peluang pelaburan kepada usahawan-usahawan Malaysia, iaitu dalam sektor perhutanan, minyak sawit dan petroleum.

Perdana Menteri Bill Skate berkata Malaysia adalah pelabur ketiga terbesar di Papua New Guinea dengan 65 syarikat telahpun melabur dalam negara itu.

"Pelaburan Malaysia di Papua New Guinea berjumlah AS\$1.5 bilion (AS\$1=RM3.8)," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini pagi ini.

Beliau berkata bahawa Petronas adalah pelabur terbesar Malaysia di Papua New Guinea. Syarikat minyak negara itu kini menjalankan projek memasang paip gas sepanjang 2,000 km yang bernilai AS\$6 bilion dari Papua New Guinea ke Australia.

Mengenai pertemuan dengan Mahathir, Skate berkata Papua New Guinea berminat untuk mempelajari lebih banyak pengalaman Malaysia dalam pembangunan industri-industri kecil dan juga sektor-sektor petroleum, minyak sawit, perikanan dan perhutanan.

Skate ditemani oleh Setiausaha Hal-Ewal Luar dan Perdagangan Peter Tsimalili, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Papua New Guinea ke Malaysia Emily David dan Ahli Parlimen Peter Peipul dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir.

Mengulas mengenai politik tempatan, Skate berkata negaranya menghormati kedaulatan Malaysia dan tidak akan campurtangan dalam hal-ehwal dalamnya.

"Kami tidak akan mengulas apa yang kerajaan atau Perdana Menteri harus lakukan.

"Beliau (Dr Mahathir) adalah Perdana Menteri, satu kerajaan yang sah dan oleh itu kami menghormati apa sahaja keputusan yang dibuat. Kami tidak akan mengulas mengenai tindakan-tindakan yang diambil olehnya," tambahnya.

Skate yang pulang ke negaranya malam ini selepas menghadiri Sidang Kemuncak dua hari Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik yang berakhir semalam, menjemput Dr Mahathir melawat Papua New Guinea.

-- BERNAMA

RAZ JR MA